

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

Kontraktor hendaklah memenuhi syarat-syarat **wajib** berikut:

(a) PENDAFTARAN KONTRAKTOR

- i. Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
 - Gred: Terbuka kepada G3, G4, G5, G6 dan G7
 - Kategori: Terbuka kepada semua Kategori
 - Pengkhususan: Terbuka kepada semua jenis Pengkhususan
- ii. Mempunyai sijil-sijil seperti berikut (jika berkenaan);
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
 - Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)
 - Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding, Negeri Sarawak (UPKJ)
- iii. Tempoh pendaftaran masih sah berkuatkuasa melebihi **TIGA (3) bulan dari Tarikh tutup Pra-Kelayakan**

(b) SCORE CIDB

Mempunyai sijil SCORE CIDB dengan **minimum 3 Bintang** dan masih berkuatkuasa melebihi **TIGA (3) bulan bulan dari tarikh tutup Pra-Kelayakan**.

(c) KEUPAYAAN KONTRAKTOR

- i. Mempunyai *Nett Worth* melebihi 20% dari Nilai Tahunan Baki Kerja (NTBK) **atau** Modal Pusingan melebihi 10% dari NTBK **atau** Modal Mudah Cair melebihi 5% dari NTBK.
- ii. Kontraktor yang mempunyai pengalaman dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja Tertinggi (NTKK) melebihi 30% daripada Nilai Tahunan Bebanan Kerja (NTBK) bagi kategori yang dipohon.
- iii. Tidak mempunyai rekod prestasi kerja semasa yang sakit.
- iv. Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang ditamatkan atau tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.

(d) Kontraktor hendaklah **bebas** daripada sebarang tindakan undang-undang seperti senarai hitam, tatatertib, litigasi dan jenayah daripada mana-mana badan kawal selia yang berkenaan.